



## JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

### PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2010 TINGKATAN EMPAT PERDAGANGAN

3755/2

Kertas 2  
Oktober  
2 jam

Dua jam

---

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda dalam kertas jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas peperiksaan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

---

Disediakan oleh:  
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:  
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

#### TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

---

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

**BAHAGIAN A**  
**[75 Markah]**

Jawab tiga soalan sahaja

1. (a) Dialog mengenai keinginan dua individu.

*Salman : "Saya laparlah. Jom, kita makan rojak ayam di gerai mamak tepi jalan tu."*

*Hizam : "Rojak ayam, tak sedaplah! Saya nak makan spaghetti di restoran di hotel lima bintang."*

Terangkan perbezaan antara kedua-dua keinginan individu di atas. (10 markah)

- (b) Pernyataan I hingga pernyataan III merujuk kepada aktiviti perusahaan dalam pengeluaran.

Pernyataan
I - Pak Samad seorang nelayan menangkap ikan dan menjualnya kepada pemborong.
II - Syarikat Maju Jaya membina pelbagai jenis rumah di Taman Sejahtera
III - Cik Susilawati bekerja di sebuah kilang membuat kasut.

Terangkan jenis industri dalam pernyataan I, II dan III. (6 markah)

- (c) Maklumat berikut berkaitan masalah yang dihadapi oleh sebuah perniagaan.

*Encik Sunny seorang peniaga barang kemas di Bandar Kemaman menghadapi masalah jualan yang kurang laris dan kebimbangan terhadap risiko semasa menjalankan perniagaannya.*


- i. Nyatakan dua bantuan perniagaan yang sesuai untuk membantu Encik Sunny. (2 markah)
- ii. Bagaimanakah kedua-dua bantuan perniagaan di (c) (i) dapat membantunya. (7 markah)

- (d) Nyatakan **dua** keadaan yang menggunakan dokumen berikut:
- (i) Nota kredit (2 markah)
- (ii) Nota debit (2 markah)
- (iii) Apakah kekurangan bentuk peruncitan tersebut kepada pembeli? (3 markah)
- (ii) Senaraikan **tiga** kelebihan bentuk peruncitan tersebut kepada peniaga. (5 markah)
- (i) Jelaskan **lima** ciri-ciri bentuk peruncitan tersebut. (5 markah)

*Sejar dengan perubahan corak ekonomi, penjual tidak perlu bersempuka dengan pembeli secara fizikal untuk urusan perniagaan. Barang boleh dijual melalui mesin peruncitan automatik yang menjual barang terus kepada pengguna.*

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah bentuk lain peruncitan. (8 markah)
- (b) Huraikan empat persamaan antara perniagaan borong dengan perniagaan runcit. (2 markah)
- (ii) Kemukakan **dua** alasan (2 markah)
- (i) Pada pendapat anda, apakah saluran agihan yang sesuai untuk barang di atas? (1 markah)

Gambar 1



2. (a) Gambar 1 menunjukkan satu produk.

3. (a) Apakah maksud perniagaan antarabangsa?


(3 markah)

*Syarikat SM Jati Sdn Bhd, pengeluar perabot jati telah menerima pesanan dari Taiwan bernilai RM600,000.00.*

(b) Terangkan prosedur eksport yang perlu dilakukan oleh Syarikat SM Jati Sdn Bhd untuk mengeksport perabot berkenaan menggunakan kapal laut. (12 markah)

(c) Jelaskan perbezaan antara bil muatan dengan bil udara. (10 markah)

4. Gambar 2 menunjukkan produk yang dihasilkan oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS).



GAMBAR 2

a) Huraikan jenis kegiatan yang boleh diusahakan oleh usahawan IKS bagi menghasilkan keluaran A, B, C dan D.

(12 markah)

- b) Berikan alasan mengapa wujud masalah-masalah yang berikut :
- i) Perusahaan IKS sukar mendapatkan modal dan kredit daripada pihak bank. (2 markah)
  - ii) Perusahaan IKS terpaksa mengambil pekerja yang kurang mahir dan kurang produktif (2 markah)
  - iii) Perusahaan IKS menghadapi masalah kekurangan bahan mentah. (2 markah)
  - iv) Pengurusan IKS tidak cekap dan kurang mantap. (2 markah)
  - c) Nyatakan 5 kepentingan IKS kepada Negara. (5 markah)

5. Rajah 1 adalah berkaitan dua jenis syarikat berhad.



- a) Nyatakan perbezaan syarikat berhad di atas. (8 markah)
- b) Mengapakah peniaga millikan tunggal cenderung untuk menukar perniagaannya kepada perkongsian. (10 markah)
- c) Harga saham sering turun naik dan tidak tetap. Terangkan 4 faktor yang mempengaruhi harga saham. (7 markah)

**BAHAGIAN B**  
**(25 markah)**  
**Soalan ini wajib dijawab.**

6.

Amira merupakan seorang siswazah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum tamat pengajiannya beliau membantu bapanya dalam perusahaan membuat kraftangan. Bapanya menggunakan ruang belakang rumahnya sebagai tempat untuk menghasilkan pelbagai produk daripada rotan seperti bakul, tudung saji, kerusi dan sebagainya.

Setelah menamatkan pengajiannya, Amira bercadang untuk memulakan sebuah perniagaan sendiri. Bagi mencapai cita-cita tersebut, beliau telah mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai di Majlis Amanah Rakyat (MARA) tentang cara-cara memulakan perniagaan serta faktor yang perlu dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan. Syarikat perniagaan yang ditubuhkannya diberi nama ZAA Enterprise.

Baru-baru ini perniagaan beliau telah diberi tawaran oleh Syarikat Kraf Tangan Global, sebuah syarikat bertaraf antarabangsa untuk membekalkan produk rotan yang bermutu tinggi untuk dipasarkan ke Negara seperti Singapura, Jepun, Indonesia dan Amerika Syarikat. Perniagaan beliau telah diberi kontrak untuk membekalkan produk kraf tangan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Syarikat Kraf Tangan Global.

Berdasarkan kes di atas jawab soalan berikut:

- (a) Terangkan 4 cara yang boleh dipilih oleh Amira untuk memulakan perniagaan  
(8 markah)
- (b) Amira perlu mempertimbangkan beberapa faktor sebelum memulakan perniagaan.  
Terangkan 5 faktor yang perlu dipertimbangkan oleh beliau.  
(10 markah)
- (c) Apakah hubungjalın antara ZAA Enterprise dengan Syarikat Kraf Tangan Global ?  
Terangkan kebaikan hubungjalın tersebut kepada kedua-dua pihak.  
(7 markah )

**KERTAS SOALAN TAMAT**